



UNIVERSITI  
M A L A Y A

PUSAT PERUBATAN UM

Anda dinasihati supaya;

Hadir sekurang-kurangnya 45 minit lebih awal di kaunter Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan dari masa janjitemu anda untuk tujuan pendaftaran dan persediaan prosedur.

Sekiranya anda didapati terlewat dari masa yang diberikan, pemeriksaan pengimejan anda tidak akan dijalankan dan ditunda ke tarikh yang lain.

Hadir lebih awal dari masa janjitemu untuk mengelakkan masalah kesesakan lalulintas dan mendapatkan tempat letak kereta di PPUM.

JABATAN  
PENGIMEJAN BIO-PERUBATAN

**FLOUROSKOPI  
(BARIUM ENEMA)**

JANJITEMU:

NAMA:.....

NO R/N:.....

TARIKH: .....

MASA: ..... PAGI/PETANG

TARIKH AKHIR HAID:.....

JANJITEMU DIBERI OLEH:.....

**NOTA PENTING!!!!**

*Sila lihat di mukasurat belakang brosur*

*Jika anda tidak dapat hadir, sila hubungi kami:*

Tel: 03-79493523 /2526 ( kaunter janjitemu)

Sila simpan nombor-nombor kaunter janjitemu Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan di dalam telefon bimbit anda sebagai rujukan sekiranya terdapat pindaan pada tarikh janjitemu dari pihak PPUM ( 03-7949 4411/ 4444/4455/ 4477/ 4488/ 4499 ).

## Pemeriksaan Flouroskopi.

### 1. Apakah itu Fluoroskopi?

Ia merupakan teknik X-ray pengimejan yang digunakan untuk memperolehi imej bergerak ('real time') bagi organ dalaman pesakit melalui penggunaan mesin Fluoroskopi dengan atau tanpa agen kontras media.

### 2. Apakah kegunaan pemeriksaan Fluoroskopi yang dilakukan?

Biasanya merujuk kepada saluran gastrointestinal (*barium swallow-esofagus*, *barium meals-gaster*, *barium enema-usus besar*). Agen kontras media seperti barium selalunya diberikan secara oral atau melalui anus bergantung kepada pemeriksaan.

### 3. Adakah terdapat sebarang risiko semasa prosedur Fluoroskopi dilakukan?

Semua jenis prosedur Fluoroskopi terdedah kepada risiko radiasi terhadap pesakit. Walau bagaimanapun, setiap prosedur yang dilakukan dinilai dari segi risiko dan kelebihan terhadap pesakit. Kadar dos radiasi rendah dipraktikkan untuk mengurangkan dos kepada pesakit.

### 4. Perlukah saya berpuasa sebelum menjalani prosedur Fluoroskopi?

Juru X-ray atau Pembantu Tadbir (P/O) bahagian janjitemu akan menerangkan prosedur tersebut kepada anda semasa tarikh janjitemu diberikan. Anda juga perlu memberitahu Juru X-ray atau Pembantu Tadbir (P/O) bahagian janjitemu sekiranya anda mengandung.

### Persediaan pesakit sebelum pemeriksaan Flouroskopi.

#### Pemeriksaan Barium Enema :

##### Tiga hari sebelum prosedur:

8 mlm- ambil ubat yang dibekalkan ( 2 biji Dulcolax ).

##### Dua hari sebelum prosedur:

Sarapan pagi- roti dan jem serta air teh , kopi tanpa susu  
Tengahari – bubur dengan ikan, daging (lumat)  
8 mlm - ambil ubat yang dibekalkan ( 2 biji Dulcolax ).

##### Sehari sebelum prosedur:

Sarapan pagi- roti dan jem serta air teh , kopi tanpa susu  
Tengahari – bubur dengan ikan, daging (lumat)

Waktu makan terakhir, 4ptg - bubur dengan ikan, daging (lumat)

Waktu 6-7 ptg – minum bungkusan FORTRANS yang pertama yang telah dilarutkan dengan 1 liter air.

Waktu 7-8 mlm - minum bungkusan FORTRANS yang kedua yang telah dilarutkan dengan 1liter air. **PASTIKAN ANDA MINUM KESEMUANYA.**

### PENTING!!!

*SELEPAS MAKANAN TERAKHIR SEBELUM PEMERIKSAAN, PASTIKAN ANDA TIDAK MENGAMBIL MAKANAN LAIN, ANDA BOLEH MINUM AIR KOSONG SAHAJA SEHINGGA PAGI HARI PEMERIKSAAN..*

*DIMINTA TIDAK MENGAMBIL MENU SAYUR-SAYURAN, BUAH-BUAHAN ATAU SUSU 3 HARI SEBELUM HARI PEMERIKSAAN ANDA.*